

Nama Tingkatan

Sekolah

MODUL PINTAS 2019
TINGKATAN 5

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos/September

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri masyarakat alaf baru yang menjadi wawasan negara bagi mencapai negara maju.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri masyarakat alaf baru.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Permainan tradisional seperti congkak, wau dan gasing semakin kurang popular dalam kalangan generasi muda akibat pengaruh permainan berasaskan teknologi.
Huraikan langkah-langkah yang wajar anda lakukan untuk mempopularkan permainan tradisional dalam kalangan remaja.
- 2 Amalan rumah terbuka sering diadakan pada setiap musim perayaan di Malaysia sekali gus dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.
Ulas pernyataan tersebut.
- 3 Anda akan mengambil bahagian dalam satu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah 'Kepelbagaian Budaya Warisan Kaum Menjadi Daya Tarikan Pelancong'.
Tulis teks syarahan itu selengkapnya.
- 4 Hubungan baik Malaysia dengan negara-negara luar dapat menarik minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di dalam negara.
Bincangkan kepentingan-kepentingan pelabur asing kepada negara.
- 5 Semangat cinta akan tanah air dapat dipupuk melalui hasil karya sastera seperti puisi, cerpen, novel dan drama kepada pembaca yang menghayati karya tersebut.
Jelaskan pernyataan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT